

# Pengubahsuaian Belanjawan dari Sudut Percukaian Langsung

**D**ALAM Belanjawan 2016, kerajaan membentangkan kerangka belanjawan dengan unjuran harga minyak pada paras AS\$48 setong. Namun begitu, pada awal tahun 2016 kita menyaksikan paras harga minyak global terus merudum dan jatuh di bawah AS\$30 setong yang memberikan alasan yang kukuh kepada kerajaan untuk mengubah suai belanjawan negara demi kemaslahatan rakyat Malaysia yang kini dibelenggu dengan kos sara hidup yang tinggi. Oleh itu, kerajaan menerusi inisiatifnya, mengumumkan langkah rangsangan bagi menangani isu ini. Antara langkah yang mendapat perhatian termasuklah dari aspek cukai pendapatan yang merupakan salah satu sumber utama hasil negara yang disela

sepenuhnya oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) selaku agen tunggal kutipan cukai langsung Malaysia.

Dalam pembentangan pengubahsuaian Belanjawan 2016, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak mengumumkan kerajaan memberikan pelepasan khas cukai sebanyak RM2000 kepada pembayar cukai individu yang berpendapatan bulanan RM8000 dan ke bawah bagi tahun taksiran 2015. Menerusi langkah yang diumumkan ini, dianggarkan kerajaan kehilangan hasil sebanyak RM350 juta. Angka tersebut merupakan jumlah yang banyak ketika negara memerlukan hasil yang mapan untuk menampung perbelanjaan negara.

Namun demikian, secara tidak langsung hal ini dapat memberikan manfaat kepada dua juta pembayar cukai di Malaysia bagi menikmati penjimatan cukai dengan kadar purata RM475. Hal ini bermakna bagi tahun taksiran 2015, individu berpendapatan penggajian (BE) dan pemiagaan (B) menerima pelepasan khas daripada pendapatan boleh cukai setelah ditolak dengan pelepasan yang diambil. Langkah tersebut membolehkan pembayar cukai menerima bayaran balik cukai mereka yang dibayar dengan amaun penuh, tetapi bergantung pada julat pendapatan pembayar cukai yang berbeza-beza.

Jika dianalisis, langkah kerajaan memberikan pelepasan khas cukai pendapatan ini adalah untuk merangsang ekonomi domestik dengan strategi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat Malaysia yang semakin susut pada hari ini. Tidak dinafikan bahawa pendapatan boleh guna atau kuasa beli rakyat merupakan salah satu penunjuk penentu tahap ekonomi sesebuah negara. Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan

Asas (PPIR & KA) 2014 yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan kemajuan dari segi pendapatan negara secara keseluruhan, iaitu Pekali Gini menurun daripada 0.431 pada tahun 2012 kepada 0.401 pada tahun 2014.

Sementara itu, pendapatan isi rumah bulanan purata Malaysia meningkat daripada RM5000 pada tahun 2012 kepada RM6141 pada tahun 2014. Keadaan ini merupakan perkembangan yang positif, namun realiti pada hari ini adalah berkisar pada kos kehidupan yang semakin meningkat dan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia. Maka langkah ini dilihat bertepatan untuk membantu rakyat Malaysia meningkatkan pendapatan boleh guna mereka, selain pembayar cukai dapat menjimatkan pembayaran cukai pendapatan mereka secara purata sehingga RM475. Jumlah yang agak besar dan signifikan ini dapat memastikan pembayar cukai mempunyai pendapatan tambahan bagi meningkatkan kuasa beli mereka.

Realiti tambahan yang perlu diambil kira ialah kadar hutang isi rumah yang semakin meningkat saban tahun. Laporan Bank Negara Malaysia

menunjukkan hutang isi rumah meningkat sebanyak 12.7 peratus setiap tahun kepada 86.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir tahun 2013. Pada tahun 2015, angka ini terus meningkat kepada 87.1 peratus daripada KDNK, iaitu suatu kadar yang lebih tinggi berbanding dengan negara serantau, seperti Thailand dan Singapura.


Komponen terbesar hutang ialah hutang pinjaman perumahan dan pinjaman pembiayaan kenderaan yang secara keseluruhannya melebihi RM500 billion pada ketika ini. Angka tersebut menunjukkan bahawa sebilangan pendapatan boleh guna rakyat, terutama golongan pertengahan, difokuskan pada pembayaran hutang sahaja. Oleh itu, langkah yang diambil oleh kerajaan dengan memberikan pelepasan khas ini merupakan langkah yang penting dan dialu-alukan bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat Malaysia, terutamanya dalam kalangan pembayar cukai individu. Malahan kerajaan menyatakan komitmen untuk memastikan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah, tidak tertekan dengan beban kos kehidupan yang semakin meningkat.

Komitmen tersebut dibuktikan melalui inisiatif percutiaan yang diumumkan dalam Belanjawan 2016, iaitu pelepasan cukai bagi anak di bawah 18 tahun dinaikkan kepada RM2000 daripada RM1000 mulai taksiran 2016. Pelepasan cukai bagi individu yang isteri tidak mempunyai pendapatan, juga dinaikkan daripada RM3000 kepada RM4000. Di samping itu, had maksimum pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi bagi pembayar cukai individu, dinaikkan kepada RM7000 daripada RM5000 setahun dan insentif percutiaan

NOTA PENERANGAN  
BORANG BE  
ORANG PERSEORANGAN  
(TANGGAL PUNCA PENDAPATAN; PERNIAGAAN)

TAHUN TAKSIRAN  
2004

SISTEM TAKSIR SENDIRI



lain. Inisiatif itu secara tidak langsung dapat membantu usaha kerajaan bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

Cukai pendapatan merupakan salah satu sumber hasil utama negara, misalnya pada tahun 2015, LHDNM berjaya mengutip jumlah cukai langsung sebanyak RM121.186 billion dan mengekalkan rekod kutipan cukai RM100 billion ke atas sejak tahun 2011. Walau bagaimanapun, kerajaan berkompromi dan tegas dalam isu ini dengan memastikannya kuasa beli rakyat terus meningkat supaya ekonomi domestik menerima rangsangan berterusan. Hal ini disokong dengan keputusan kerajaan untuk mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak tiga peratus, daripada 11 peratus kepada lapan peratus, sekali gus menyediakan limpahan RM8 billion pendapatan boleh guna rakyat dalam kitaran ekonomi pada tahun ini.

Selain itu, kerajaan juga mengumumkan dua langkah untuk meningkatkan jumlah dan kecekapan kutipan hasil negara. Kedua-dua langkah tersebut dilaksanakan dengan menggandakan usaha pematuhan dan pengauditan terhadap pengelak cukai, serta melonggarkan penalti kepada pembayar cukai bagi menggalakkan pembayar cukai tampil melaporkan pendapatan tahun ke belakang sebelum 31 Disember 2016. Kedua-dua langkah ini di bawah bidang kuasa LHDNM sebagai agen tunggal kutipan cukai langsung di Malaysia.

Aspek pematuhan cukai perlu dipandang serius dalam usaha untuk mengesan pembayar cukai yang selama ini tidak pernah membayar walau satu sen pun kepada negara, walhal mengaut keuntungan yang banyak dan berlipat ganda. Hal ini dikatakan demikian kerana kerajaan kerugian hasil yang banyak akibat kegagalan pembayar cukai melaporkan pendapatan sebenar kepada pihak LHDNM.


Kes pelarian cukai bukan sahaja melibatkan syarikat korporat, bahkan turut membabitkan kes bukan syarikat. LHDNM telah memberikan tumpuan utama terhadap langkah pemantauan dan pelaksanaan program audit cukai (audit luar dan audit meja) bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai secara sukarela dalam kalangan pembayar cukai dan pungutan hasil negara. Di samping itu, LHDNM menjalankan fokus audit yang merupakan salah satu strategi dan inisiatif dalam *Public Finance Reform* yang bertujuan untuk mengatasi ketirisan hasil negara.

Melalui program audit cukai ini, banyak kes yang diselesaikan dan memberikan pulangan hasil kepada negara. Berdasarkan Laporan Tahunan LHDNM 2014, prestasi penyelesaian audit cukai bagi kes syarikat dan bukan syarikat bagi tahun 2014 dicatatkan sebanyak 98 615 kes untuk syarikat dan 1 771 317 kes bagi bukan syarikat. Semua jumlah kes tersebut melibatkan jumlah cukai dan penalti sebanyak RM447 billion yang berjaya diselesaikan oleh LHDNM. Selain itu, LHDNM memberikan penekanan terhadap isu pindahan harga rentas sempadan dan isu lain yang berkaitan dengan ketirisan cukai.

Pada masa yang sama, aktiviti siasatan diperkemas dan digerakkan dari semasa ke semasa bagi tujuan untuk mencegah pelarian cukai, mengenal pasti orang yang bertanggungjawab terhadap pelarian cukai dan menghadapkannya ke mahkamah. Rasionalnya di sini adalah untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, memberikan keadilan kepada pembayar cukai yang patuh dan memungut jumlah cukai yang sepatutnya. Bermula pada tahun 2013, siasatan yang dijalankan adalah mengikut prosedur siasatan

Realiti tambahan yang perlu diambil kira ialah kadar hutang isi rumah yang semakin meningkat saban tahun.

Kerajaan juga mengumumkan dua langkah untuk meningkatkan jumlah dan kecekapan kutipan hasil negara.



jenayah, yakni tindakan pendakwaan diambil untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti siasatan terhadap kes pelarian cukai.

Di samping menggunakan peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, siasatan juga menggunakan peruntukan yang terdapat dalam Akta CKHT 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA).

Laporan tahunan LHDNM 2014 juga mencatatkan bahawa jumlah cukai dan penalti yang berjaya dikutip hasil siasatan pula meningkat 6.38 peratus, iaitu berjumlah RM543.96 juta berbanding dengan RM511.33 juta pada tahun 2013, yang menyaksikan sebanyak 689 kes berjaya diselesaikan.

Jumlah dan angka itu merupakan sebilangan kes yang diselesaikan oleh LHDNM untuk memantapkan pematuhan cukai di Malaysia. Pada hakikatnya, masih banyak lagi kes yang belum berjaya dijejak di luar sana yang memerlukan tindakan segera. Oleh hal yang demikian, langkah kerajaan untuk menggandakan aktiviti pematuhan cukai merupakan langkah yang

relevan bagi menangani isu ketirisan hasil negara. Dalam ketegasan terdapat juga kelembutan dan pertimbangan yang diberikan dan hal ini dibuktikan dengan komitmen kerajaan untuk mengurangkan kadar penalti dan penghapusan kenaikan cukai kepada pembayar cukai supaya mereka tampil secara sukarela dengan melaporkan pendapatan tahun ke belakang dan menyelesaikan amaun tunggakan cukai mereka.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Tan Sri Datuk Wira Dr. Mohd Shukor Hj. Mahfar, pertimbangan pengurangan penalti dan penghapusan kenaikan cukai ini adalah tertakluk pada merit sesuatu kes dan syarat yang telah ditetapkan oleh LHDNM. Tawaran pula bermula pada 1 Mac 2016 sehingga 15 Disember 2016. Inisiatif ini secara tidak langsung berupaya menggalakkan pembayar cukai untuk tampil dengan rela hati bagi menyelesaikan isu percukaian tertunggak yang memerlukan perhatian segera.

Inisiatif yang diambil ini menunjukkan keprihatinan kerajaan bagi menangani kes cukai tertunggak dan membuktikan bahawa amalan demokrasi tetap wujud sebalik ketegasan dalam aktiviti penguatkuasaan, sekali gus mewujudkan situasi menang-menang dalam isu ini. Kutipan hasil yang cemerlang merupakan salah satu kunci keamanan negara dan hal ini terbukti sejak tanah air kita merdeka, hasil negara yang dikutip berjaya memakmurkan Malaysia dan rakyatnya. Pembayar cukai seharusnya berbangga kerana menjadi sebahagian wira kepada negara yang berjuang melalui pendekatan yang berbeza, namun signifikannya amatlah besar.

Sementara itu, 30 April 2016 merupakan tarikh akhir bagi pembayar cukai yang tidak mempunyai sumber pendapatan perniagaan untuk menghantar Borang BE Tahun Taksiran 2015 mereka kepada LHDNM, manakala pada 30 Jun 2016 pula ialah tarikh akhir bagi individu berpendapatan perniagaan untuk menghantar Borang B mereka. Sekiranya mereka menggunakan kaedah e-Filing, selain lebih mudah, menjimatkan masa dan kiraan cukai lebih tepat, LHDNM turut memberikan tambahan masa selama 15 hari lagi untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Oleh itu, lunaskanlah tanggungjawab sebagai wira kepada negara agar keamanan yang dicipta ini akan terus kekal sampai bila-bila. ●

**Pembayar cukai seharusnya berbangga kerana menjadi sebahagian wira kepada negara yang berjuang melalui pendekatan yang berbeza.**